

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

ANALISIS METODOLOGI TERJEMAHAN TAFSIR *FĪ ZILĀL AL-QUR'ĀN* OLEH DATO' YUSOFF ZAKY YACOB

4.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini penulis akan membuat analisis terhadap metodologi yang digunakan oleh Dato' Yusoff Zaky dalam penulisan Terjemahan *FĪ Zilāl Al-Qur'ān*. Analisis ini dibuat berdasarkan Terjemahan *FĪ Zilāl Al-Qur'ān* yang diterbitkan pada tahun 2000M oleh Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Tumpuan akan diberikan kepada penggunaan kaedah terjemahan, metodologi penulisan, metodologi penyusunan dan penterjemahan serta aspek kekuatan dan kelemahan terjemahan. Bagi menghasilkan analisis yang menyeluruh, penulis hanya mengambil permulaan terjemahan sehingga juzuk pertama (sehingga halaman 277) sahaja sebagai sampel kajian. Ini kerana kebiasaannya bahagian yang awal itu akan menggambarkan keseluruhan kandungan di dalamnya. Di samping itu, penulis membuat suatu analisis perbandingan di antara terjemahan yang dilakukan oleh Dato' Yusoff Zaky dengan dua buah versi terjemahan yang berada di pasaran sekarang yang dilakukan oleh kumpulan penterjemah dari Indonesia iaitu As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil dan Muchotob Hamzah yang diterbitkan oleh Gema Insani Press pada tahun 2000M dan Anuar Rafiq Shaleh Tamhid, Lc., Khalid yang diterbitkan oleh Rabbani Press pada tahun 2000M.

4.2 *FĪ ZILĀL AL-QUR'ĀN* SEPINTAS LALU

Fī Zilāl Al-Qur'ān karangan Sayyid Qutb merupakan salah sebuah kitab tafsir yang lahir pada abad ke-20. Penulisan tafsir ini agak berlainan daripada tafsir-tafsir lain apabila pengarangnya cuba mendedahkan secara terperinci budaya-budaya jahiliah kontemporari yang mengongkongi umat manusia hari ini serta tipu daya kaum Yahudi dan Nasrani. Ianya juga merupakan sebuah kitab tafsir yang bersandar kepada unsur-unsur *naqliyyah* atau riwayat-riwayat yang *ma'thūr* di samping meninggalkan segala pendapat yang ganjil, *da'if* dan riwayat-riwayat *isra'iliyyat*.

Sebelum menghasilkan *Fī Zilāl Al-Qur'ān*, Sayyid Qutb terlebih dahulu membuat kajian mendalam terhadap Al-Quran dan hasil kajiannya dibukukan dalam kitab *al-Taṣwīr al-Fannī Fī Al-Qur'ān* yang diterbitkan pada tahun 1945. Kajian beliau terhadap Al-Quran diteruskan lagi dan pada tahun 1947 kitabnya yang bertajuk *Masyāhid al-Qiyāmah Fī Al-Qur'ān* diterbitkan.¹

Usaha penulisan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* dimulakan pada tahun 1951 apabila salah seorang pemimpin Ikhwān al-Muslimūn iaitu Sa'īd Ramaḍān menerbitkan Majalah al-Muslimūn iaitu sebuah majalah bulanan berbentuk pemikiran Islam. Sa'īd Ramaḍān telah menjemput Sayyid Qutb menjadi kolumnis tetap dengan menulis tajuk yang pelbagai atau menulis di bawah satu tajuk.²

¹ Dr. Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālīdī (1999), *Ta'rīf al-Dārisin bi Manāhij al-Mufasssirin*, Jordan: Dār al-'Aql, h.616.

² *Ibid*

Jemputan tersebut menarik minat Sayyid Quṭb untuk menulis artikel tafsir dengan menggunakan satu tajuk iaitu *Fī Zilāl Al-Qur'ān*. Siri pertama artikel *Fī Zilāl Al-Qur'ān* dimuatkan dalam keluaran ketiga Majalah al-Muslimūn edisi Februari tahun 1952. Selepas itu Majalah al-Muslimūn terus menerus menerbitkan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* selama tujuh keluaran berturut-turut iaitu dari edisi ketiga hingga edisi kesembilan. Penafsiran Sayyid Quṭb dalam kolum *Fī Zilāl Al-Qur'ān* telah sampai ayat ke 103 Surah al-Baqarah.³

Setelah itu, Sayyid Quṭb mengambil keputusan untuk berhenti menulis tafsir Al-Quran di dalam Majalah al-Muslimūn dan menumpukan penulisan tafsir di dalam kitab. Di akhir siri tafsirnya dalam majalah tersebut beliau telah menulis:

Siri ini merupakan siri terakhir yang diterbitkan dalam Majalah al-Muslimun, ini kerana *Fī Zilāl Al-Qur'ān* akan ditulis secara berasingan dalam 30 juzuk secara berturut-turut dan diterbitkan dua bulan sekali. Penerbitan sulungnya akan bermula pada bulan September depan dan dikendalikan oleh Dār Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah li 'Isa al-Halabi. Penulisan dalam Majalah al-Muslimūn akan diteruskan tetapi di bawah tajuk *Naḥw al-Majtama' al-Islāmi*.⁴

Penerbitan sulung *Fī Zilāl Al-Qur'ān* dalam bentuk kitab bermula pada bulan Oktober tahun 1952. Di antara bulan Oktober 1952 hingga Januari 1954, *Fī Zilāl Al-Qur'ān* berjaya diterbitkan sebanyak 16 juzuk mengikut juzuk Al-Quran iaitu sehingga Surah Taha.⁵

³ *Ibid*

⁴ *Ibid*

⁵ *Ibid*

Pada awal tahun 1954, beliau dan beberapa pemimpin Ikhwān al-Muslimūn ditangkap atas tuduhan-tuduhan palsu dan zalim dan kemudiannya dibebaskan semula. Di penghujung tahun yang sama beliau dan beberapa pemimpin Ikhwān al-Muslimūn sekali lagi ditangkap untuk jangka masa yang lama. Ini menyebabkan usaha-usaha penulisan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* terhenti buat sementara.⁶

Walau bagaimanapun, disebabkan Sayyid Quṭb telah membuat perjanjian dengan syarikat penerbitan Dār al-Kutub al-'Arabiyyah bagi menyempurnakan penulisan *Fī Zilāl Al-Qur'ān*, syarikat tersebut mendakwa kerajaan Mesir dan menuntut ganti rugi akibat menahan Sayyid Quṭb daripada menyempurnakan penulisan tafsirnya. Oleh hal yang demikian, Kerajaan Mesir membenarkan Sayyid Quṭb meneruskan penulisan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* ketika berada di penjara sebagai ganti daripada membayar beribu-ribu pound Mesir. Perkembangan ini membolehkan Sayyid Quṭb meneruskan penulisan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* dan akhirnya ia dapat disiapkan pada penghujung tahun 1950-an selepas lima tahun kehidupan beliau di dalam penjara.⁷

Rentetan itu, Kerajaan Mesir telah melantik Syeikh Muhammad al-Ghazali - yang pada waktu itu menjadi pegawai kanan Kementerian Waqaf - sebagai penyemak *Fī Zilāl Al-Qur'ān*. Beliau bertanggungjawab meneliti isi kandungannya sebelum dicetak. Syeikh Muhammad al-Ghazali membenarkan setiap juzuk *Fī Zilāl Al-Qur'ān* dicetak tanpa membuangnya kecuali sedikit penambahan Sayyid Quṭb dalam Surah

⁶ *Ibid*

⁷ *Ibid*

al-Buruj. Walau bagaimanapun tambahan tersebut kemudiannya diterbitkan kembali dalam fasal ‘*Hāzā Huwa al-Ṭāriq*’ pada fasal terakhir dalam kitab ‘*Ma’ālim fī al-Ṭarīq*’.⁸

Pada awal tahun 1960M, Sayyid Qutb mengambil inisiatif untuk mengemas kinikan *Fī Ṣilāl Al-Qur’ān* dengan menokok tambah huraian-huraian tambahan dan penghalusan-penghalusan yang perlu untuk menjadikan tafsir itu sebuah tafsir *haraki* yang sempurna. Usaha ke arah itu menjadi lebih lancar apabila beliau dibebaskan dari penjara hasil campur tangan Presiden Republik Iraq pada masa itu iaitu Abdul Salam Arif. Dalam kesempatan ini, beliau berjaya membuat pembaharuan-pembaharuan tafsirnya hingga juzuk ketiga belas. Walau bagaimanapun, beliau tidak sempat mengemas kinikan juzuk-juzuk yang baki tersebut kerana beliau kemudiannya ditangkap kembali atas tuduhan-tuduhan yang palsu dan zalim yang membawa hukuman gantung sampai mati.⁹

4.3 TERJEMAHAN *FĪ ṢILĀL AL-QUR’ĀN*

Fī Ṣilāl Al-Qur’ān telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Turki, Bahasa Urdu, Bahasa Indonesia dan beberapa bahasa Afrika. Terjemahan lengkap 30 juzuk ke dalam Bahasa Malaysia, telah disempurnakan oleh Allahyarham Dato’ Yusoff Zaky Yacob. Kelahiran terjemahan tafsir ini, atau nama barunya iaitu ‘*Tafsīr Fī Ṣilāl Al-Qur’ān* – Di bawah Bayangan Al-Qur’an’-

⁸ *Ibid*

⁹ Sayyid Qutb (2000), *Tafsīr Fī Ṣilāl Al-Qur’ān*, Yusoff Zaky Haji Yacob (terj.), Kota: Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., h. xxxviii

sememangnya memberikan manfaat besar kepada masyarakat negara ini khususnya, dan masyarakat Nusantara umumnya.

Terjemahan lengkap 30 juzuk tafsir ini diterbitkan buat pertama kalinya pada awal tahun 2000M. Ianya diterbitkan dalam 17 jilid dalam bentuk ensiklopedia moden dan dicetak dengan kertas yang berkualiti serta berkulit keras. Bentuk ensiklopedia moden ini sememangnya sesuai sebagai bahan rujukan di perpustakaan bagi kegunaan para pelajar mahupun orang awam. Penerbitan terjemahan ini juga mendapat kebenaran dan galakan daripada waris Sayyid Quṭb sendiri iaitu al-Ustaz Muhammad Quṭb. Kebenaran tersebut diperolehi apabila Dato' Yusoff Zaky mengadakan suatu pertemuan dengan al-Ustaz Muhammad Quṭb di rumah beliau pada bulan Disember 1997 di Makkah al-Mukarramah.¹⁰ Dalam terjemahan ini juga, al-Ustaz Muhammad Quṭb telah sudi memberikan kata-kata pengantar.

4.3.1 Faktor Pendorong

Seperti yang dinyatakan oleh Dato' Yusoff Zaky sendiri, cita-cita untuk menterjemahkan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* telah bertunas sejak tahun 1952 semasa beliau masih belajar di Kaherah, Mesir. Cita-cita tersebut terus terpendam selama kira-kira dua puluh lima tahun dan ianya baru dapat dimulakan pada tahun 1983.¹¹ Mengenangkan ketika pertama kali mata penanya menggariskan barisan pertama dari terjemahan itu, beliau menggambarkan perasaannya dengan kata-kata:

¹⁰ *Ibid.*, h. xx

¹¹ *Ibid.*, h. xvii

Penulis masih terkenang bagaimana jantungnya berdebar seketika dan jarinya gemetar ketika mata pena menggariskan barisan pertama dari terjemahan itu. Ketika itu penulis benar-benar diburu oleh pertanyaan serius. Apakah ia mampu menghabiskan terjemahan kitab tafsir yang sebesar ini atau usahanya akan patah di tengah jalan dalam usianya yang sedang meniti hari senja yang mula suram? Apakah tenaga perseorangannya yang lemah mampu melintasi lebih lima ribu halaman muka surat tafsir itu dan menyelami lautan pengertian-pengertiannya dan hakikat-hakikat ilmiah dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan dan kebudayaan? Apakah? Apakah?...Ia tidak menemui jawapan selain dari harapan, doa dan penyerahan diri yang mutlak kepada keizinan dan taufiq Allah.¹²

Walau bagaimanapun, pada pandangan penulis terdapat beberapa faktor kenapa terjemahan ini dibuat:

1. Bagi memenuhi keperluan masyarakat.

Seperti yang dimaklumi bahawa kitab-kitab *turath* yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia masih kurang. Kalau adapun, ianya adalah kitab-kitab yang diterjemahkan oleh penterjemah negara jiran yang sudah tentu gaya bahasa yang digunakan adalah berlainan dengan gaya Bahasa Malaysia. Dalam bidang Tafsir misalnya tidak banyak terjemahan yang ada. Oleh itu, bagi memenuhi keperluan ini, Dato' Yusoff Zaky mengambil inisiatif untuk menterjemahkan *Fī Zilāl Al-Qur'ān*.

2. Kekaguman beliau terhadap tulisan Sayyid Quṭb

Daripada pemerhatian penulis terhadap tulisan-tulisan Dato' Yusoff Zaky, penulis mendapati beliau amat mengagumi tulisan-tulisan Sayyid Quṭb. Ini mungkin disebabkan pendekatan Sayyid Quṭb yang tidak berkompromi dengan segala bentuk jahillah yang ada sekarang. Selain daripada *Fī Zilāl Al-*

¹² *Ibid* h. xvii.

Qur'ān, beliau turut menterjemah sebuah lagi karya Sayyid Qutb iaitu *'Ma'ālim fī al-Ṭarīq'*.¹³

4.3.2 Peringkat-peringkat Penterjemahan

Proses penterjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* melalui masa yang panjang iaitu selama sebelas tahun iaitu bermula tahun 1403/1983 hingga 1414/1994 dan ianya melalui dua peringkat, iaitu:

i. Peringkat pertama

Pada peringkat pertama, Dato' Yusoff Zaky memulakan terjemahan dengan juzuk Amma atau juzuk yang ketiga puluh hingga Surah Yusuf.

ii. Peringkat kedua

Pada peringkat kedua, Dato' Yusoff Zaky memulakan terjemahan dari juzuk al-Baqarah atau juzuk yang pertama hingga Surah Hud.

¹³ Kekaguman Dato' Yusoff Zaky terhadap pemikiran Sayyid Qutb terbukti apabila beliau banyak memuatkan terjemahan buku Sayyid Qutb dalam majalah Pengasuh. Buku-buku tersebut ialah *Ma'ālim fī al-Ṭarīq* dan *Khaṣā'is al-Taṣawwur al-Islāmī*. Untuk maklumat lanjut bolehlah rujuk kepada majalah Pengasuh di antara bilangan 403 sehingga 499.

Sepanjang tempoh tersebut Dato' Yusoff Zaky menerbitkan beberapa siri terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* dalam bentuk juzuk dan surah-surah tertentu. Terbitan tersebut adalah seperti berikut:

i. *Di Bawah Bayangan Al-Quran. (juzuk 'Ammā).*

Edisi ini merupakan edisi terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* yang pertama. Ianya diterbitkan pada tahun 1983 dalam empat jilid dengan menggunakan tulisan jawi. Penerbitan ini dibiayai sepenuhnya oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAK) dan dicetak oleh Dian Darul Naim Sdn. Bhd. Edisi ini kemudiannya dikemas kinikan semula dan diterbitkan kembali oleh Dian Darul Naim, terdapat dua terbitan Juzuk Amma iaitu:

- Diterbitkan pada tahun 1985 dengan menggabungkan keempat-empat jilid yang berasingan kepada satu jilid yang besar.
- Diterbitkan pada tahun 1991 dalam dua jilid dengan bentuk baru yang mengandungi fahrasat nama dan hadith.

ii. *Di Bawah Bayangan Al-Quran. (juzuk Qad Sami'a Allah)*

Terjemahan ini diterbitkan oleh Dian Darul Naim Sdn. Bhd pada tahun 1985.

iii. *Di Bawah Bayangan Al-Quran. (juzuk Tabārak)*

Terjemahan ini diterbitkan oleh Dian Darul Naim Sdn. Bhd pada tahun 1985.

- iv. *Di Bawah Bayangan Al-Quran. (Surah al-Dhāriyat – al- Hadīd).*

Terjemahan ini diterbitkan oleh Dian Darul Naim Sdn. Bhd pada tahun 1986.

- v. *Di Bawah Bayangan Al-Quran. (Surah al-Aḥqāf).*

Terjemahan ini diterbitkan oleh Dian Darul Naim Sdn. Bhd pada tahun 1987.

- vi. *Di Bawah Bayangan Al-Quran. (Surah al-Baqarah).*

Terjemahan ini diterbitkan oleh Dian Darul Naim Sdn. Bhd pada tahun 1988.

- vii. *Tafsir Fi Zilāl Al-Qur'ān.*

Di Bawah Bayangan Al-Qur'an (30 juzuk)

Diterbitkan oleh Pustaka Aman Press dengan kerjasama YAPIEM pada tahun 2000M.

4.4 KELAYAKAN DATO' YUSOFF ZAKY SEBAGAI PENTERJEMAH

Kelayakan Dato' Yusoff Zaky sebagai seorang penterjemah memang tidak boleh dipertikaikan. Beliau merupakan antara generasi awal yang mempelopori bidang terjemahan khususnya terjemahan Arab-Melayu. Bakat beliau dalam bidang penterjemahan memang terserlah semenjak beliau berada di sekolah Jami' al-Isma'ili apabila memenangi peraduan menterjemah syair dari Bahasa Arab ke Bahasa Malaysia anjuran sebuah pawagam kepunyaan seorang saudagar Arab di Singapura. Semasa menuntut di Mesir pula, beliau pernah membuat kerja-kerja terjemahan secara sambilan. Beliau sempat menterjemahkan sebuah buku karangan Abu al-A'la

al-Mawdūdī yang bertajuk *Revolusi Islam*. Beliau juga pernah menterjemahkan sari kata daripada Bahasa Arab ke Bahasa Melayu untuk beberapa buah filem Mesir yang diedarkan di Indonesia dan Malaysia.

Dari sudut kemahiran berbahasa, beliau mempunyai kecekapan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Malaysia. Kemahiran Bahasa Arab diperolehinya semenjak beliau berada di Jami' Isma'ily. Beliau juga pernah mendapat didikan daripada beberapa orang guru Bahasa Arab seperti Ustaz Abdul Rabb al-Tamimi, Ustaz al-Khatib Haji Ali dan Ustaz Wan Sulaiman. Penguasaan Bahasa Arab beliau semakin baik apabila beliau melanjutkan pengajian ke American Cairo University, Mesir. Pengalaman berada selama 5 tahun di Mesir digunakan sebaik mungkin untuk menguasai Bahasa Arab.

Selain menguasai bahasa sumber (Bahasa Arab) dengan baik, Dato' Yusoff Zaky juga dapat menguasai bahasa sasaran (Bahasa Malaysia) dengan baik. Hal ini terbukti apabila beliau menjadi pengarang sepenuh masa dan seorang yang agak lama berkecimpung dalam bidang penulisan dan penterjemahan. Komitmen ini juga terbukti apabila beliau menerbitkan pelbagai jenis buku dan majalah seperti yang telah diterangkan sebelum ini.

4.5 METODOLOGI PENULISAN DAN PENYUSUNAN

Penyusunan terjemahan *Fi Zilāl Al-Qur'ān* dilakukan dengan begitu teliti dan berhati-hati. Semua terjemahan termasuklah terjemahan teks tafsir, ayat-ayat Al-Quran mahupun al-Hadith, dilakukan dengan baik dan teratur.

4.5.1 Susunan Permulaan Terjemahan

Di awal jilid pertama, beberapa pihak telah sudi memberikan kata-kata pengantar. Ini termasuklah Brig. Jen.(B) Dato' Abdul Hamid Zainal Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Haji Abdul Malik Awang Kechil, Ketua Pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPIEM) , Encik Aman Haji Hasan, Pengarah Pustaka Aman Press. Sdn. Bhd. dan al-Ustaz Muhammad Qutb selaku wakil pewaris Sayyid Qutb.

Selain itu, panel penyemak juga turut memberikan pandangan masing-masing terhadap terjemahan tafsir ini. Mereka ialah Dato' Haji Daud b. Muhammad, Kadi Besar Negeri Kelantan, Dato' Haji Syukri b. Mohamad, Timbalan Mufti Negeri Kelantan dan al-Ustaz Muhammad Labib Ahmad seorang penulis dan pakar Bahasa Arab yang terkenal di Kelantan.

Di dalam terjemahan ini juga, Dato' Yusoff Zaky juga menyelitkan suatu penjelasan untuk para pembaca tentang salah faham terhadap pemikiran Sayyid Qutb. Penjelasan ini merupakan petikan sebahagian dari mukaddimah buku (التصور الاسلامي)

(خصائص التصور الاسلامي ومقوماته) iaitu bahagian yang kedua dari buku Mukaddimah ini merupakan tulisan saudara beliau iaitu al-Ustaz Muhammad Qutb dan di dalamnya beliau mendedahkan beberapa salah faham yang ditimbulkan oleh pembaca yang tidak menghayati karangan Sayyid Qutb secara menyeluruh.¹⁴

Selain itu, Dato' Yusoff Zaky juga turut memuatkan biodata pengarang *Fī Zilāl Al-Qur'ān* iaitu al-Marhum Sayyid Qutb sendiri. Beliau juga turut menceritakan sejarah permulaan penglibatan Sayyid Qutb di dalam bidang Tafsir sehinggalah *Fī Zilāl Al-Qur'ān* diterbitkan.

4.5.2 Penyusunan Ayat-ayat Al-Quran

Penulisan ayat-ayat Al-Quran dalam terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān*, dipetik daripada Mashaf 'Uthmani yang diakui kesahihannya oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia. Untuk menyusun dan menterjemahkannya pula, beliau menukikan semua ayat Al-Quran samada ayat tersebut ayat yang ingin ditafsirkan atau ayat yang mentafsirkan. Ayat-ayat tersebut kemudiannya diterjemahkan satu persatu. Ini bermakna Dato' Yusoff Zaky tidak hanya memberikan terjemahan sesuatu ayat sahaja tanpa teksnya seperti yang dilakukan oleh penterjemah-penterjemah lain. Cara sedemikianlah yang menyebabkan terjemahan ini memakan ruang yang banyak dan agak tebal daripada versi terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* yang lain. Contoh yang lebih lanjut sebagaimana lampiran E.

¹⁴ Sayyid Qutb, (2000), *Op. Cit.* h. xxvii.

4.5.3 Penyusunan Al-Hadith.

Dari sudut penyusunan hadith pula, terdapat dua cara penterjemahan yang dilakukan oleh Dato' Yusoff Zaky. Cara pertama, beliau menukulkan kesemua matan hadith dan kemudian menterjemahkannya. Sebagai contoh, dalam teks asal *Fī Zilāl Al-Qur'ān*, terdapat satu matan hadith sebagaimana di bawah :

وقد ورد في صحيح مسلم من حديث العلاء بن عبد الرحمن مولى الحرقه عن أبيه عن أبي هريرة عن رسول الله - صلى الله عليه وسلم - : ((يقول الله تعالى : قسمت الصلاة بيني وبين عبدي نصفين فنصفها لي ونصفها لعبدي ، ولعبدي ما سأل... إذا قال العبد : الحمد لله رب العالمين. قال الله : حمدني عبدي . وإذا قال الرحمن الرحيم. قال الله : أثني علي عبدي ولعبدي ما سأل. فإذا قال: مالك يوم الدين. قال الله : مجدني عبدي . وإذا قال: إياك نعبد وإياك نستعين. قال: بيني وبين عبدي ولعبدي ما سأل. وإذا قال : أهدنا الصراط المستقيم صراط الذين أنعمت عليهم غير المغضوب عليهم ولا الضالين. قال : هذا لعبدي ولعبدي ما سأل))¹⁵

Ketika menterjemahkannya, Dato' Yusoff Zaky menukulkan kesemua matan tersebut dan kemudian menterjemahkannya, sebagaimana berikut:

Tersebut di dalam Sahih Muslim dari hadith al-'Ala' ibn Abdur-Rahman Maula al-Harqah dari bapanya dari Abu Hurairah dari Rasulullah s.a.w:

قسمت الصلاة بيني وبين عبدي نصفين فنصفها لي ونصفها لعبدي ، ولعبدي ما سأل... إذا قال العبد : الحمد لله رب العالمين. قال الله : حمدني عبدي . وإذا قال الرحمن الرحيم. قال الله : أثني علي عبدي ولعبدي ما سأل. فإذا قال: مالك يوم الدين. قال الله : مجدني عبدي . وإذا قال: إياك نعبد وإياك نستعين. قال بيني وبين عبدي ولعبدي ما سأل. وإذا قال : أهدنا الصراط المستقيم صراط الذين أنعمت عليهم غير المغضوب عليهم ولا الضالين. قال : هذا لعبدي ولعبدي ما سأل))

Aku telah membahagikan solat (al-Fatihah) kepada dua bahagian, separuhnya untuk-Ku dan separuh lagi untuk hamba-Ku dan untuk hamba-Ku apa sahaja yang dipohonkan kepada-Ku, apabila hamba-Ku berkata: (الحمد لله رب العالمين) Allah menjawab: 'Hamba-Ku memuji-Ku'. Apabila hamba itu berkata : (الرحمن الرحيم) Allah menjawab: 'Hamba-Ku telah memberi sanjungan kepada-Ku', apabila hamba itu berkata: (مالك يوم الدين) Allah menjawab 'Hamba-Ku telah mengagung-agungkan-Ku dan apabila hamba itu berkata (إياك نعبد وإياك نستعين) Allah menjawab: Ini di antara hamba-Ku dengan Aku dan untuk hamba-Ku

¹⁵ Lihat Sayyid Qutb (1972), *Fī Zilāl Al-Qur'ān*, j.1, Beirut: Dār al-Syurūq, h. 26.

apa sahaja yang dipohonkan kepada-Ku, apabila hamba itu berkata (اهدنا الصراط المستقيم صراط الذين أنعمت عليهم غير المغضوب عليهم ولا الضالين) Allah menjawab: 'Ini untuk hamba-Ku dan untuk hamba-Ku apa sahaja yang dipohonkan kepada-Ku.¹⁶

Cara yang kedua ialah beliau menukulkan sebahagian isi matan hadith yang penting sahaja. Sebagai contoh, dalam teks asal *I'ī Zilāl Al-Qur'ān*, terdapat satu matan hadith sebagaimana di bawah :

في سنن ابن ماجه عن ابن عمر - رضی الله عنهما - أن رسول الله - صلى الله عليه وسلم - حدثهم أن عبدا من عباد الله قال : ((يا رب لك الحمد كما ينبغي لجلال وجهك وعظيم سلطانك)) فعضلت بالملكين فلم يدريا كيف يكتبانها فصعدا إلى الله فقالا : يا ربنا إن عبدا قد قال مقالة لا ندري كيف نكتبها . قال الله - وهو أعلم بما قال عبده - : ((وما الذي قال عبدي ؟)) قالوا يا رب ، إنه قال : لك الحمد يا رب كما ينبغي لجلال وجهك وعظيم سلطانك . فقال الله لهما : اكتباهما كما قال عبدي حتى يلتقي فاجزيه بها))¹⁷

Ketika menterjemahkan hadith ini, Dato' Yusoff Zaky hanya menukulkan matan utama hadith sahaja iaitu: يا رب لك الحمد كما ينبغي لجلال وجهك وعظيم سلطانك manakala matan lainnya tidak dinukulkan, seperti berikut:

Tersebut di dalam Sunan Ibn Majah dari Ibn 'Umar r.a bahawa Rasulullah s.a.w telah menceritakan kepada mereka, iaitu ada seorang hamba Allah mengucap kepujian dengan kata:

يا رب لك الحمد كما ينبغي لجلال وجهك وعظيم سلطانك

"Wahai Tuhanku! Segala kepujian itu terpulang kepada-Mu, iaitu kepujian yang layak dengan keagungan zat-Mu dan kebesaran kuasa-Mu."

Ucapan itu telah menyulitkan dua Malaikat pencatat amalan, kedua-duanya tidak tahu bagaimana hendak menulis pahalanya lalu kedua-dua Malaikat itu menghadap Allah dan berkata kepada-Nya: "Ada seorang hamba mengucapkan pujian yang kami tidak mengetahui bagaimana hendak menulis balasannya?" Firman Allah (sedangkan Dia lebih mengetahui apa yang telah diucapkan hamba-Nya itu): "Apakah pujian yang telah diucapkan oleh hamba-Ku itu ?" Jawab kedua-dua malaikat itu: Dia berkata: "Wahai Tuhanku segala

¹⁶ Lihat Sayyid Qutb (2000) *Op. Cit.*, j.1, h. 34

¹⁷ Lihat Sayyid Qutb (1972), *Op. Cit.*, j.1., h. 22.

kepujian itu terpujang kepada-Mu, iaitu kepujian yang layak dengan keagungan zat-Mu dan kebesaran kuasa-Mu." Firman Allah kepada keduanya: "Tulislah ucapan itu sebagaimana yang diucapkan oleh hambaku sehingga ia menemui Aku dan Akulah sendiri yang akan membalasnya."¹⁸

4.6 METODOLOGI PENTERJEMAHAN

Perbincangan tentang metodologi penterjemahan akan menyentuh beberapa aspek iaitu kaedah penterjemahan, gaya bahasa, penterjemahan sastera, penterjemahan ayat-ayat Al-Quran dan Al-Hadith serta penterjemahan istilah.

4.6.1 Kaedah Penterjemahan

Setelah penulis meneliti terjemahan Dato' Yusoff Zaky terutamanya dalam juzuk pertama, penulis mendapati terjemahan beliau boleh digolongkan dalam terjemahan dinamis. Beliau tidak menterjemah perkataan demi perkataan sebaliknya menterjemah makna yang ingin disampaikan oleh Sayyid Qutb. Kata-kata yang digunakan oleh Dato' Yusoff Zaky juga begitu indah, lancar, teratur dan bersahaja.

Walaupun penulis menggolongkan terjemahan beliau sebagai terjemahan dinamis, namun terjemahan tersebut tidak menambah atau mengurangkan penyampaian Sayyid Qutb. Hal ini diakui sendiri oleh anggota Panel Penyemak iaitu Dato' Hj. Daud b. Muhammad, Dato' Hj. Mohd Shukri b. Mohamad dan Ustaz Labib Ahmad.

¹⁸ Lihat Sayyid Qutb (2000) *Op. Cit.*, j. 1, h. 24

Dalam kata-kata pengantar, Dato' Hj. Daud dan Dato' Hj. Mohd Shukri menyifatkan terjemahan Dato' Yusoff Zaky sebagai berjaya menyelami isi kandungan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* dan berjaya menyampaikan maksudnya ke dalam Bahasa Melayu dengan begitu tepat dan meyakinkan tanpa menjejaskan maksud dan struktur ayat yang asal di samping menampilkan teknik penafsiran yang lebih mudah.¹⁹ Manakala Ustaz Labib Ahmad pula dalam kata-kata pengantarnya menyatakan bahawa terjemahan yang dilakukan oleh Dato' Yusoff Zaky sebagai salin tidak tumpah daripada asalnya.²⁰ Ini bermakna Dato' Yusoff Zaky berjaya menyampaikan segala maksud yang ingin disampaikan oleh Sayyid Qutb dalam terjemahannya.

Untuk membuktikan terjemahan tersebut sebagai terjemahan dinamis, penulis akan membawa beberapa contoh. Contoh tersebut kemudiannya akan dianalisis secara perbandingan dengan dua buah terjemahan lain yang dilakukan oleh dua kumpulan penterjemah dari Indonesia.

Contoh pertama:

Teks *Fī Zilāl Al-Qur'ān*:

الحياة في ظلال القرآن نعمة. نعمة لا يعرفها الا من ذاقها. نعمة ترفع العمر و تباركه وتركه.
(halaman 11)

¹⁹ Kata-kata pengantar oleh Dato' Hj. Daud b. Muhammad dan Dato' Hj. Mohd Shukri b. Mohamad, lihat Terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* oleh Dato' Yusoff Zaky, h. xxii.

²⁰ Kata-kata pengantar oleh Ustaz Labib Ahmad, lihat Terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* oleh Dato' Yusoff Zaky, h. xxiv.

Terjemahan Dato' Yusoff Zaky:

Hidup di bawah bayangan al-Qur'an adalah suatu kenikmatan yang tidak dapat diketahui melainkan hanya oleh mereka yang mengecapinya sahaja. Ia adalah suatu kenikmatan yang meluhur, memberkati dan membersihkan usia seseorang.

(halaman 1)

Terjemahan As'ad Yasin, Abdul Aziz Basyaharil & Muchotob Hamzah:

Hidup di bawah bayangan al-Qur'an adalah suatu nikmat. Nikmat yang tidak dimengerti kecuali oleh yang merasakannya. Nikmat yang mengangkat harkat usia manusia, menjadikannya diberkahi dan menyucikannya.

(halaman 13)

Terjemahan Aunur Rafiq Shaleh Tamhid, Lc., Khalid:

Hidup di bawah naungan al-Qur'an merupakan suatu kenikmatan. Kenikmatan yang hanya bisa dirasakan oleh orang yang pernah mereguknya. Kenikmatan yang mengangkat, memberkati dan mensucikan umur kehidupan.

(halaman 1)

- **Analisis perbandingan:**

Setelah dibuat perbandingan di antara ketiga-tiga terjemahan di atas, penulis mendapati terjemahan Dato' Yusoff Zaky mempunyai kekuatan tersendiri. Teks (نعمة) diterjemahkan oleh Dato' Yusoff Zaky sebagai : "Ia adalah suatu kenikmatan yang meluhur, memberkati dan membersihkan usia seseorang." Terjemahan yang dilakukan oleh As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahill dan Muchotob Hamzah berbunyi : "Nikmat yang mengangkat harkat usia manusia, menjadikannya diberkahi dan menyucikannya." Manakala terjemahan oleh Aunur

Rafiq Shaleh Tamhid, Lc berbunyi : “Kenikmatan yang mengangkat, memberkati dan mensucikan umur kehidupan.”

Daripada tiga versi terjemahan di atas, jelaslah bahawa terjemahan Dato' Yusoff Zaky tidak terlalu literal apabila beliau menterjemah (ترفع) sebagai “meluhur” sedangkan terjemahan literalnya ialah “mengangkat”.

Contoh kedua:

Teks *Fī Zilāl Al-Qur'ān*:

أي طمأنينة ينشئها هذا التصور ؟ وأي سكونة يفيضها على القلب ؟ وأي ثقة في الحق والخير
والصلاح ؟ وأي قوة واستعلاء على الواقع الصغير يسكبها في الضمير ؟
(halaman 14)

Terjemahan Dato' Yusoff Zaky:

Manakah ketenteraman yang lebih ni'mat dari ketenteraman yang dilahirkan oleh kefahaman dan tanggapan ini? Manakah ketenangan yang lebih ni'mat dari ketenangan yang dicurahkan ke dalam hati oleh kefahaman dan tanggapan ini? Manakah kepercayaan terhadap kebenaran, kebaikan dan keislahan yang lebih kuat dari kepercayaan ini? Dan manakah suatu kekuatan dan keunggulan yang mengatasi realiti hidup yang kecil ini yang dicurahkan ke dalam hati nurani oleh kefahaman dan tanggapan ini?.

(halaman 12)

Terjemahan As'ad Yasin, Abdul Aziz Basyaharil & Muchotob Hamzah:

Manakah ketenteraman yang ditimbulkan oleh gambaran ini? Macam apakah ketenangan yang dimasukkannya ke dalam hati? Kepercayaan macam apakah pada kebenaran, kebaikan, dan kesalehan itu? Dan, kekuatan dan ketinggian seperti apakah yang dialirkan di dalam hati sehingga menganggap kenyataan yang ada ini kecil?

(halaman 20)

Terjemahan Aunur Rafiq Shaleh Tamhid, Lc., Khalid:

Ketenangan apakah yang ditumbuhkan oleh tashawwur (konsep) ini? Kedamaian apakah yang dilimpahkan ke dalam hati oleh tashawwur ini? Keyakinan tentang kebenaran, kebaikan dan keshahihan macam apakah yang ditanam oleh tashawwur ini? Kekuatan dan superiotas terhadap alam kecil apakah yang dihunjamkan ke dalam hati oleh tashawwur ini?.

(halaman 11)

- **Analisis perbandingan:**

Dalam contoh di atas, terjemahan dinamis lebih terserlah apabila Dato' Yusoff Zaky menterjemah ungkapan (وَأَيُّ سَكِينَةٍ يَفِيضُهَا عَلَى الْقَلْبِ ؟) dengan : “Manakah ketenangan yang lebih ni’mat dari ketenangan yang dicurahkan ke dalam hati oleh kefahaman dan tanggapan ini?.” Dalam terjemahan tersebut, Dato' Yusoff Zaky membuat sedikit penambahan yang tidak lari dari maksud sebenar Sayyid Qutb agar ianya mudah difahami oleh pembaca.

Ini amat berlainan dengan dua buah versi terjemahan Indonesia yang kelihatan agak literal. As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahill dan Muchotob Hamzah menterjemah ungkapan tersebut dengan : “Macam apakah ketenangan yang dimasukkannya ke dalam hati?”, manakala Anuar Rafiq Shaleh Tamhid, Lc pula menterjemahkannya sebagai : “Kedamaian apakah yang dilimpahkan ke dalam hati oleh tashawwur ini?”

Contoh ketiga:

Teks *Fī Zīlāl Al-Qur'ān*:

وهنا كذلك مفرط طريق... مفرق طريق بين التحرر المطلق من كل عبودية ، وبين العبودية المطلقة للعبيد ! وهذه الكلية تعلن ميلاد التحرر البشري الكامل الشامل. التحرر من عبودية الأوهام . التحرر من عبودية الظلم ، التحرر من عبودية الأوضاع . وإذا كان الله وحده هو الذي يعبد ، والله وحده هو الذي يستعان ، فقد تخلص الضمير البشري من استدلال الظلم والأوضاع والأشخاص ، كما تخلص من استدلال الأساطير والأوهام والخرافات.

(halaman 25)

Terjemahan Dato' Yusoff Zaky:

Di sini juga satu lagi persimpangan jalan, iaitu persimpangan jalan yang memisahkan di antara kebebasan mutlak dari seluruh bentuk perhambaan dengan perhambaan mutlak kepada sesama manusia.

Dasar aqidah ini merupakan sebuah perisytiharan hari keputeraan kebebasan manusia yang mutlak dari perhambaan kepada kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut dan dari perhambaan kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang diciptakan manusia. Andainya Allah itu sahaja Tuhan yang disembah dan dipohon pertolongan, maka selama itulah hati manusia bebas dari perhambaan kepada peraturan-peraturan dan undang-undang ciptaan manusia dan dari perhambaan kepada tokoh-tokoh di samping ia bebas dari perhambaan kepada dongeng-dongeng dan kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut.

(halaman 30)

Terjemahan As'ad Yasin, Abdul Aziz Basyaharil & Muchotob Hamzah:

Ini juga merupakan persimpangan jalan antara kemerdekaan mutlak dari segala macam perbudakan dan perbudakan mutlak dengan segala hamba. Aqidah yang menyeluruh ini menyatakan lahirnya kemerdekaan bagi manusia yang sempurna dan menyeluruh, kemerdekaan dari perhambaan pahampaham yang keliru, kemerdekaan dari perhambaan berbagai macam tata kehidupan, dan ke-merdekaan dari perhambaan segala undang-undang. Kalau hanya Allah saja yang disembah dan diibadahi dan Allah sahaja yang diminta pertolongan, maka hati nurani manusia telah bebas dari merendahkan diri kepada peraturan undang-undang dan dari individu manusia, sebagaimana ia terbebas dari merendahkan diri kepada mitos-mitos, paham-paham keliru dan khurafat-khurafat.

(halaman 37)

Terjemahan Aunur Rafiq Shaleh Tamhid, Lc., Khalid:

Ini juga merupakan persimpangan jalan.. Persimpangan jalan antara kemerdekaan mutlak dari semua bentuk penghambaan dengan penghambaan mutlak kepada kepada hamba! Prinsip ini memproklamirkan lahirnya kemerdekaan umat manusia yang sempurna dan menyeluruh. Kemerdekaan dari perbudakan khayal. Kemerdekaan dari perbudakan sistem. Kemerdekaan dari perbudakan kondisi. Jika hanya Allah semata yang diibadahi, dan hanya Allah semata yang dimintai pertolongan maka hati nurani manusia telah terbebas dari perlecehan berbagai sistem, kondisi dan individu, sebagaimana terbebas pula dari perlecehan berbagai dongeng, khayal dan khurafat.

(halaman 31)

- **Analisis perbandingan:**

Contoh di atas juga menunjukkan Dato' Yusoff Zaky berjaya menterjemah dengan bahasa yang mudah, bersahaja dan seronok dibaca. Ungkapan-ungkapan yang digunakan oleh beliau cukup bertenaga dan sesuai dibaca oleh semua. Perhatikan terjemahan beliau terhadap ungkapan (وهذا كذلك مفراط طريق... مفرط طريق بين التحرر المطلق)

! (من كل عبودية ، وبين العبودية المطلقة للعبيد !

iaitu persimpangan jalan yang memisahkan di antara kebebasan mutlak dari seluruh bentuk perhambaan dengan perhambaan mutlak kepada sesama manusia.”

Dalam versi terjemahan lain, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahill dan Muchotob Hamzah menterjemah ungkapan tersebut dengan : “Ini juga merupakan persimpangan jalan antara kemerdekaan mutlak dari segala macam perbudakan dan perbudakan mutlak dengan segala hamba”, manakala Anuar Rafiq Shaleh Tamhid, Lc menterjemah : “Ini juga merupakan persimpangan jalan.. Persimpangan jalan antara

kemerdekaan mutlak dari semua bentuk penghambaan dengan penghambaan mutlak kepada hamba..!”

Pemerhatian penulis terhadap ketiga-tiga versi terjemahan di atas, mendapati terjemahan Dato’ Yusoff Zaky lebih mudah difahami kerana beliau menggunakan bahasa yang mudah tanpa memberatkan pembaca. Ini berbeza dengan dua versi terjemahan Indonesia tersebut.

Dalam contoh terjemahan di atas juga, Dato’ Yusoff Zaky menterjemah ungkapan (ميلاد التحرر البشري الكامل الشامل) dengan : “hari keputeraan kebebasan manusia yang mutlak.” Ungkapan “hari keputeraan kebebasan manusia yang mutlak” menggambar kebijaksanaan Dato’ Yusoff Zaky memilih kata-kata yang seronok dibaca walaupun ungkapan teks asal mungkin suatu bentuk ungkapan sastra Sayyid Qutb.

Walau bagaimanapun, kadang-kadang penterjemahan yang dilakukan oleh Dato’ Yusoff Zaky kelihatan agak literal. Ini mungkin disebabkan beliau mahu menterjemah segala apa yang ditulis oleh Sayyid Qutb tanpa ingin meninggalkan sedikitpun. Contohnya adalah seperti di bawah:

Contoh pertama:

Teks *Fī Zilāl Al-Qur'ān*:

وتبين لهم بعض الحلال والحرام في المطاعم و المشارب. وتبين لهم حقيقة البر لا مظاهره وأشكاله . وتبين لهم أحكام القصاص في القتل . وأحكام الوصية . وأحكام الصوم . وأحكام الجهاد . وأحكام الحج . وأحكام الزواج والطلاق مع التوسع في دستور الأسرة بصفة خاصة . وأحكام الصدقة وأحكام الريا . وأحكام الدين والتجارة .
(halaman 34)

Terjemahan Dato' Yusoff Zaky:

Seterusnya ia menjelaskan sesetengah hukum halal dan haram dalam makanan dan minuman, menerangkan hakikat al-birru (kebaktian atau keimanan) yang sebenar bukannya rupa bentuk yang lahir, menerangkan hukum-hukum balas bunuh, hukum wasiat, hukum-hukum puasa, hukum-hukum jihad, hukum-hukum haji, hukum-hukum perkahwinan dan perceraian dengan yang meluas terutama mengenai undang-undang keluarga, juga hukum-hukum sedekah, hukum-hukum riba, hukum-hukum hutang-piutang dan perniagaan.

(halaman 56)

• Analisis

Dalam contoh di atas, kita dapati Dato' Yusoff Zaky banyak melakukan pengulangan perkataan 'hukum'. Beliau seakan-akan mahu menterjemahkan setiap ungkapan Sayyid Qutb walaupun perkara ini tidak diperlukan dalam Bahasa Melayu.

Contoh kedua:

Teks *Fī Zīlāl Al-Qur'ān*:

ولأية الأولى تقرر حق المتوفى عنها زوجها في وصية منه تسمح لها بالبقاء في بيته والعيش من ماله ، مدة حول كامل ، لا تخرج ولا تتزوج إن رأت من مشاعرها أو من الملابس المحيطة بها ما يدعوها إلى البقاء .. وذلك مع حريتها في أن تخرج بعد أربعة أشهر وعشر ليال كالذي قررته أية سابقة . فالعدة فريضة عليها . والبقاء حولا حق لها..
(halaman 259)

Terjemahan Dato' Yusoff Zaky:

Ayat yang pertama menjelaskan bahawa perempuan yang kematian suaminya itu berhak mendapat wasiat dari suaminya untuk membolehkannya tinggal di rumah suaminya dan hidup dengan perbelanjaan dari hartanya selama setahun genap, tanpa keluar dan tanpa berkahwin jika ia dapati perasaannya dan keadaan-keadaan di sekelilingnya membolehkannya tinggal selama masa itu. Namun demikian ia bebas untuk keluar dari rumah suaminya selepas empat bulan sepuluh hari ini seperti yang telah diterangkan oleh ayat-ayat yang silam. Menjalani 'iddah itu suatu kefardhuhan yang diwajibkan ke atasnya dan kemudahan tinggal di rumah suami selama setahun itu merupakan suatu hak baginya.

(halaman 1,j.2)

• Analisis

Dalam contoh di atas, kita dapati Dato' Yusoff Zaky banyak mengulangi perkataan 'nya'. Ini kerana beliau menterjemahkan '*dhamir*' (•) yang terdapat dalam teks asal satu persatu.

Kedua-dua contoh terjemahan yang dikemukakan di atas kelihatan agak literal sekiranya dibandingkan dengan teks asal.

4.6.2 Penterjemahan Sastra

Dari sudut penterjemahan ungkapan sastra Sayyid Qutb, Dato' Yusoff Zaky sering kali menterjemah secara langsung dan bukannya mengambil maknanya sahaja. Ini berbeza dengan dua versi terjemahan Indonesia yang lebih suka menterjemah maksudnya sahaja walaupun kadang-kadang mereka turut menterjemah secara langsung ungkapan tersebut. Contohnya adalah seperti di bawah:

Contoh pertama:

Teks *Fi Zilāl Al-Qur'ān*:

وكان التيه الذي لا قرار فيه ولا يقين ولا نور ، هو ذلك الذي يحيط بتصور البشرية لإلهها ،
وصفاته وعلاقته بخلائقه ، ونوع الصلة بين الله والإنسان على وجه الخصوص .
(halaman 23)

Terjemahan Dato' Yusoff Zaky:

Padang gurun yang tidak mempunyai sebarang kemantapan, sebarang keyakinan dan sebarang nur itulah yang (menjadi latar belakang) yang melingkungi kefahaman dan pemikiran manusia terhadap Allah, sifat-sifat-Nya, hubungan-Nya dengan para makhluk-Nya terutama hubungan di antara Allah dan manusia.
(halaman 26)

Terjemahan As'ad Yasin, Abdul Aziz Basyaharil & Muchotob Hamzah:

Kesedaran yang tidak ada kemantapan, keyakinan, dan cahaya padanya inilah yang meliputi persepsi manusia terhadap Tuhannya, sifat-sifat-Nya, hubungan-Nya dengan makhluk-Nya dan jenis antara hubungan antara Allah dengan manusia secara khusus.
(halaman 33)

Terjemahan Aunur Rafiq Shaleh Tamhid, Lc., Khalid:

Kebingungan yang tidak pernah menemukan ketenangan, kepastian dan cahaya, itulah yang membelenggu pandangan umat manusia tentang Tuhannya, tentang sifat-sifat-Nya, dan tentang hubungan-Nya dengan makhluk-Nya, khususnya tentang bentuk hubungan antara Allah dan manusia.

(halaman 28)

• Analisis perbandingan

Berdasarkan contoh di atas, Dato' Yusoff Zaky menterjemah secara literal ungkapan sastra Sayyid Qutb. Perkataan (التيه) diterjemahkan sebagai : “padang gurun.” Ini amat berbeza dengan terjemahan versi Indonesia yang tidak terlalu literal dalam menterjemahkan ungkapan-ungkapan sastra. As'ad Yasin, Abdul Aziz Basyaharil & Muchotob Hamzah menterjemahkan perkataan (التيه) sebagai : “kesesatan”, manakala Aunur Rafiq Shaleh Tamhid, Lc., Khalid menterjemahkan perkataan (التيه) sebagai : “kebingungan”.

Contoh kedua:

Teks *Fī Zilāl Al-Qur'ān*:

..أي إتهم وجهوا المعول إلى أساس العقيدة في نفوس المسلمين ! ثم قالوا لهم : إن كان التوجه إلى بيت المقدس باطلا فقد ضاعت صلاتكم وعبادتكم طوال هذه الفترة . وإن كان صحيحا ففيم التحول عنه ؟ أي إتهم وجهوا المعول إلى أساس الثقة في نفوس المسلمين برصيدهم من ثواب الله ، وقيل كل شيء في حكمة القيادة النبوية !

(halaman 99)

Terjemahan Dato' Yusoff Zaky:

Yakni mereka menghayunkan cangkul untuk meruntuhkan asas 'aqidah di dalam hati kaum Muslimin kemudian mereka berkata kepada mereka: Jika sembahyang mengadap ke Baitul-Maqdis itu tidak sah, maka ini bererti solat

dan ibadat kamu sepanjang masa ini akan menjadi sia-sia sahaja, dan jika solat kamu sah, maka apakah perlunya diubah kiblat itu ? Yakni mereka menghayunkan cangkul untuk merobohkan asas kepercayaan di dalam hati kaum Muslimin terhadap pahala amalan mereka dari Allah dan terutama sekali mereka mahu merobohkan kepercayaan kaum Muslimin terhadap kebijaksanaan kepimpinan Nabi s.a.w.

(halaman 224)

Terjemahan As'ad Yasin, Abdul Aziz Basyaharil & Muchotob Hamzah:

Artinya, mereka mengarahkan sasarannya kepada basis akidah di dalam jiwa kaum muslimin. Kemudian mereka berkata kepada kaum muslimin, "Jika mengadap ke Baitul Maqdis ini batil, maka shalat dan ibadahmu selama ini sia-sia. Dan kalau sah, mengapa harus pindah kiblatnya?" Yakni mereka mengarahkan serangan kepada basis kepercayaan di dalam jiwa kaum muslimin mengenai persiapan pahala dari Allah yang telah mereka upayakan. Sudah tentu yang lebih utama adalah menyerang kebijaksanaan kepimpinan Nabi Muhammad saw..

(halaman 180)

Terjemahan Aunur Rafiq Shaleh Tamhid, Lc., Khalid:

Yakni mereka mengarahkan beliung ke dasar aqidah yang ada di dalam jiwa kaum Muslimin! Kemudian mereka berkata: 'Seandainya arah kiblat ke Baitul Maqdis itu tidak benar niscaya shalat dan ibadah kalian selama ini sia-sia. Dan jika sudah benar lalu mengapa harus terjadi pengalihan ?' Yakni mereka mengarahkan beliung ke dasar kepercayaan kaum Muslimin terhadap adanya deposit pahala dari Allah. Tetapi tujuan utama serangan ini, sebelum yang lainnya, dimaksudkan untuk meragukan kebijaksanaan kepimpinan Nabi saw!

(Halaman 212)

• Analisis perbandingan

Dalam contoh di atas Dato' Yusoff Zaky menterjemahkan perkataan (المعول), dengan "cangkul". Ungkapan (المعول) merupakan salah satu bentuk sastera Sayyid Qutb.

Terjemahan ini kelihatan agak literal. Manakala As'ad Yasin, Abdul Aziz Basyaharil

& Muchotob Hamzah menterjemahkan perkataan (المعول) dengan “sasaran” manakala Aunur Rafiq Shaleh Tamhid, Lc., Khalid menterjemahkannya dengan “beliung”.

Contoh ketiga:

Teks *Fī Zilāl Al-Qur’ān*:

.. ولقد ضربت الفلسفات في تيه لا منارة فيه ، وهي تحاول كشف هذه الأسرار ؛ وتقرض فروضا تتبع من الإدراك البشري الذي لم يهيا لهذا المجال ، ولم يزود أصلا بأدوات المعرفة فيه والارتداد ..
(halaman 106)

Terjemahan Dato’ Yusoff Zaky:

...Pendapat-pendapat falsafah hanya berkelana dan meraba-raba di padang gurun tanpa pedoman apabila ia cuba membongkarkan rahsia-rahsia ini dan membuat berbagai-bagai andaian yang terbit dari fahaman manusia yang tidak disediakan untuk bidang ini. Mereka sama sekali tidak dibekalkan dengan alat-alat yang membolehkan mereka mengetahui dan meneroka bidang ini.

(halaman 242)

Terjemahan As’ad Yasin, Abdul Aziz Basyaharil & Muchotob Hamzah:

Para filsuf berpetualang dalam kebingungan tanpa cahaya, yaitu mencoba menyingkap rahasia-rahasia ini dengan menggunakan perangkat manusiawi yang memang tidak disiapkan untuk itu, dan tidak dibekali dengan perangkat-perangkat pengetahuan untuknya.

(halaman 193)

Terjemahan Aunur Rafiq Shaleh Tamhid, Lc., Khalid:

Berbagai filsafat telah tersesat jalan kerana mencoba mengungkapkan rahasia-rahasia in, dan membuat berbagai hipotesa yang berasal dari pengetahuan manusia yang tidak disiapkan untuk memasuki bidang ini dan tidak dibekali dengan berbagai sarana pengetahuan yang berkaitan dengannya.

(Halaman 230)

• Analisis perbandingan

Dalam contoh di atas Dato' Yusoff Zaky menterjemah perkataan (تَبْه) sebagai pandang gunung. Hal ini kelihatan agak literal berbanding dengan terjemahan As'ad Yasin, Abdul Aziz Basyaharil & Muchotob Hamzah yang menterjemahkannya sebagai “kebingungan” manakala terjemahan Aunur Rafiq Shaleh Tamhid, Lc., Khalid pula terus menterjemah maksudnya sahaja iaitu “tersesat jalan kerana mencoba mengungkapkan rahasia-rahasia ini...”

Contoh keempat:

Teks *F'ī Zilāl Al-Qur'ān*:

وفي رسم هذه الملامح نجد خصائص التعبير القرآنية ، التي تتجلى في قيام الكلمة مقام الخط واللون ، إذ سرعان ما ترسم الصور من خلال الكلمات ؛ ثم سرعان ما تنبض هذه الصور وكأنها تموج بالحياة..
(halaman 37)

Terjemahan Dato' Yusoff Zaky:

Dalam lukisan sifat-sifat ini di sana kita dapati ciri-ciri pengungkapan al-Qur'an yang istimewa, di mana kalimat menggantikan garis dan warna, dan gambaran-gambaran itu dengan segera terlukis dengan perantaraan kalimat-kalimat itu dan terus mendenyut hidup.

(halaman 63)

Terjemahan As'ad Yasin, Abdul Aziz Basyaharil & Muchotob Hamzah:

Di dalam melukiskan sifat-sifat ini, kita jumpai keistimewaan-keistimewaan ungkapan Al-Qur'an, yang tampak pada kata-katanya dengan tulisan dan bentuknya, yang begitu cepat menimbulkan gambaran-gambaran dari celah-

celah kalimatnya, dan begitu cepat denyutnya seakan-akan sedang melanda kehidupan ini.

(halaman 60)

• Analisis perbandingan

Di dalam contoh di atas ungkapan sastra Sayyid Qutb begitu jelas. Kedua-kedua terjemahan iaitu terjemahan Dato' Yusoff Zaky dan terjemahan As'ad Yasin, Abdul Aziz Basyaharil & Muchotob Hamzah terpengaruh dengan gaya bahasa sastra Sayyid Qutb. Hal ini terpaksa dilakukan memandangkan tiada ungkapan yang sesuai dalam Bahasa Melayu bagi menterjemahkan ungkapan sastra tersebut.

Penulis tidak menemui terjemahan ungkapan contoh di atas dalam terjemahan Aunur Rafiq Shaleh Tamhid, Lc., Khalid. Ini mungkin disebabkan ungkapan tersebut terlalu sukar untuk diterjemah atau penterjemah terlupa untuk menterjemahkannya.²¹

4.6.3 Gaya Bahasa

Berdasarkan pengamatan penulis terhadap terjemahan Dato' Yusoff Zaky, penulis mendapati beliau mempunyai kemahiran menggunakan bahasa. Sesuai dengan kerjayanya sebagai pengarang sepenuh masa, beliau mempunyai gaya penulisan yang tersendiri. Beliau kelihatan berupaya menyusun ayat-ayat yang panjang dan tidak membosankan. Antara ayat-ayat panjang yang dikesan ialah seperti contoh-contoh di bawah:

²¹ lihat Sayyid Qutb (2000), *Tafsir Fī Zīlāl Al-Qur'ān*, Aunur Rafiq Shaleh Tamhid, Lc., Khalid, Rabbani Press, h. 62.

Contoh pertama:

Surah ini mengandung berbagai-bagai maudhu', tetapi paksi yang mengumpulkan semua maudhu' itu hanya satu sahaja tetapi mempunyai dua garis pokok yang amat rapat hubungannya, iaitu dari satu sudut, surah ini membicarakan tentang pendirian bani Israel terhadap da'wah Islamiyah di Madinah dan bagaimana mereka menyambut da'wah itu dan menentang Rasulullah s.a.w dan kelompok Muslimin yang lahir di atas asas dakwah itu, juga menyentuh segala perkara yang ada hubungan dengan pendirian itu termasuk hubungan-hubungan yang kukuh di antara kaum Yahudi dengan kaum Munafiqin di satu pihak, dan hubungan yang wujud di antara kaum Yahudi dengan kaum Musyrikin di satu pihak yang lain.

(halaman 38)

Contoh kedua:

Setelah ayat-ayat itu selesai menayangkan tiga gambaran (contoh jiwa manusia itu), ia menyeru seluruh manusia kepada meneladani gambaran contoh yang pertama dan kembali menyembah Allah Yang Tunggal, Pencipta Yang Tunggal, Pemberi rezeki Yang Tunggal, tanpa sekutu-sekutu dan tandingan-tandingan, kemudian ia mencabar orang-orang yang meragui kerasulan Nabi Muhammad s.a.w dan al-Qur'an yang diturunkan kepada beliau supaya mereka mengadakan satu surah yang serupa dengan al-Qur'an, sambil memberi amaran bahawa mereka akan beroleh azab yang ngeri jika mereka enggan menerima dakwah, dan menggembirakan orang-orang Mu'min dengan gambaran-gambaran balasan ni'mat-ni'mat yang kekal abadi yang menunggu mereka.

(halaman 64)

Dalam kedua-dua contoh tersebut, begitu jelas sekali kemahiran yang dimiliki oleh Dato' Yusoff Zaky dalam menyusun ayat yang panjang. Dalam contoh pertama terdapat 91 patah perkataan dalam satu ayat manakala dalam contoh kedua terdapat 101 patah perkataan dalam satu ayat.

Bagi menyusun ayat-ayat yang panjang, Dato' Yusoff Zaky banyak menggunakan bantuan penanda wacana. Antara penanda wacana yang sering

digunakan oleh beliau ialah ‘dan’, ‘kemudian’, ‘juga’, ‘iaitu’ dan sebagainya. Daripada kebanyakan penanda wacana itu pula, perkataan ‘dan’ seringkali digunakan. Di samping itu, beliau juga kerap menggunakan tanda koma (,) sebagai bantuan untuk menyambung ayat.

Dari sudut pengaruh bahasa luar, kadang kala Dato’ Yusoff Zaky kelihatan agak terpengaruh dengan Bahasa Arab. Beliau cuba untuk mengekalkan gaya bahasa dan perkataan-perkataan tertentu walaupun ianya tidak bersesuaian dengan Bahasa Malaysia. Sebagai contoh:

“Seterusnya ia menjelaskan sesetengah hukum halal dan haram dalam makanan dan minuman, menerangkan hakikat al-birru (kebaktian atau keimanan) yang sebenar bukannya rupa bentuk yang lahir menerangkan hukum-hukum balas bunuh, hukum wasiat, hukum-hukum puasa, hukum-hukum jihad, hukum-hukum haji, hukum-hukum perkahwinan dan perceraian dengan yang meluas terutama mengenai undang-undang keluarga, juga hukum-hukum sedekah, hukum-hukum riba, hukum-hukum hutang-piutang dan pemiagaan.”

(halaman 56)

Dalam penggunaan Bahasa Malaysia, perkataan hukum atau hukum-hukum tidak perlu diulang terlalu banyak di dalam satu ayat. Di dalam contoh tersebut Dato’ Yusoff Zaky mengulangi perkataan hukum-hukum sebanyak sepuluh kali.

Gaya bahasa Arab juga banyak mempengaruhi ejaan perkataan-perkataan tertentu. Penelitian penulis juga mendapati terdapat beberapa perkataan yang berbeza ejaannya dalam Bahasa Malaysia. Perkataan tersebut ialah perkataan daripada Bahasa Arab sendiri. Contohnya adalah seperti berikut:

Perkataan	Catatan
ni'mat	Ejaan Bahasa Malaysia ialah nikmat
'aqliyyah	Ejaan Bahasa Malaysia ialah akliah
Qudrat	Ejaan Bahasa Malaysia ialah kudrat
Anbiya'	Ejaan Bahasa Malaysia ialah anbiyak
ma'siat	Ejaan Bahasa Malaysia ialah maksiat
Maqam	Ejaan Bahasa Malaysia ialah makam
mu'jizat	Ejaan Bahasa Malaysia ialah mukjizat

Berdasarkan pemerhatian penulis juga, Dato' Yusoff Zaky juga gemar menggunakan perkataan berganda sebagai tanda jamak. Banyak kelihatan dalam terjemahan *Fi Zilāl Al-Qur'an* perkataan berganda. Contohnya perkataan 'suasana-suasana', 'keadaan-keadaan', 'kisah-kisah', 'kuasa-kuasa', 'tenaga-tenaga', 'harta-harta', 'bukti-bukti', 'renungan-renungan', lafaz-lafaz 'orang-orang' 'hukum-hukum' dan banyak lagi yang tidak mampu disenaraikan.

Berdasarkan pemerhatian penulis juga, Dato' Yusoff Zaky kadang kala ada menggunakan perkataan yang agak jarang digunakan pada masa kini. Antara contoh perkataan tersebut ialah:

Perkataan	Catatan
Alam buana	Kebiasaannya penulisan sekarang menggunakan perkataan alam sahaja
Sarana	Sarana bermaksud segala sesuatu yang dapat digunakan sebagai alat untuk mencapai atau melaksanakan

²² *Kamus Dewan, Op. Cit* h. 1117

	sesuatu. ²²
Kejakunan	Jakun adalah perkataan Minang yang bermaksud penduduk asli ²³ .
Tolol	Tolol bermaksud sangat bodoh atau bebal. ²⁴
Berseteru	Berseteru bermaksud bermusuhan
Dendam kesumat	Kebiasanya penulisan sekarang menggunakan perkataan dendam sahaja
Bijana	Bijana bermaksud tanah kelahiran ²⁵

4.6.4 Penterjemahan Ayat-ayat Al-Quran

Untuk menterjemahkan ayat-ayat suci Al-Quran, Dato' Yusoff Zaky memilih makna-makna yang dipilih oleh pengarangnya sendiri di samping merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar dan kitab-kitab terjemahan Al-Quran yang wujud dalam Bahasa Malaysia. Antaranya ialah kitab Al-Quran al-Karim terjemahan Yayasan Penyelenggaraan Penterjemahan Al-Quran Kementerian Agama Republik Indonesia, Pimpinan Al-Rahman terbitan bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia dan lain-lain. Bagi menghasilkan terjemahan yang indah dan jelas, beliau sendiri membuat penyelarasan yang teliti di antara terjemahan-terjemahan tersebut.²⁶

Dato' Yusoff Zaky juga turut mengambil kira penjelasan sendiri pada sesetengah tempat. Kebiasaannya beliau akan memasukkannya di dalam kurungan supaya ianya mudah difahami. Sebagai contohnya:

²³ *Ibid*, h. 469.

²⁴ *Ibid*, h. 1380

²⁵ *Ibid*, h. 144

²⁶ Sayyid Qutb (2000), h. xviii.

Contoh pertama:

Firman Allah:

صُمُّ بُكْمٌ عُمِّيٌّ فَهُمْ لَا يُرْجَعُونَ (١٨)

Maksudnya:

Mereka pekak, bisu dan buta kerana itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran).

Surah al-Baqarah(2): 18

Contoh kedua:

Firman Allah s.w.t:

وإِذْ قُلْنَا ادْخُلُوا هَذِهِ الْقَرْيَةَ فَكُلُوا...

Maksudnya:

Dan (kenangilah) ketika kami berkata: Masuklah kamu ke negeri ini (Baitul-Maqdis) dan makanlah ...²⁷

Surah al-Baqarah(2): 58

Daripada dua contoh di atas, kita dapati kata-kata yang terdapat di dalam kurungan merupakan huraian yang tidak terdapat dalam nas asal Al-Quran.

4.6.5 Penterjemahan Istilah

Dari sudut penterjemahan istilah, Dato' Yusoff Zaky lebih suka mengekalkan istilah-istilah tertentu. Berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat tiga kategori istilah yang digunakan oleh beliau iaitu istilah yang tidak terdapat dalam Bahasa Malaysia, istilah

²⁷ *Ibid*, h. 124

yang berbeza ejaannya dalam Bahasa Malaysia dan istilah yang terdapat dalam Bahasa Malaysia.

I. Istilah Yang Tidak Terdapat Dalam Bahasa Malaysia

Antara istilah yang tidak terdapat dalam *Kamus Dewan* yang selalu digunakan oleh beliau ialah:

Istilah	Catatan	Maksud sebenar
masyi'ah	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Kehendak
insaniyah	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Kemanusiaan
rububiyah	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Sifat ketuhanan yang mentadbir alam ini
ummi	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Buta huruf
kulli	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Secara keseluruhan
kafirin	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Jamak bagi kafir, Orang-orang kafir
imaniyah	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Keimanan
al-mala'ul a'la	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Tuhan
khilafah	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Pemerintahan
muttaqin	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Orang-orang bertakwa
isnad	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Sandaran
majhul	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Tidak diketahui
ma'bud	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Yang disembah
Arjah	Tiada dalam <i>Kamus Dewan</i>	Pendapat yang lebih kuat

II. Istilah Yang Berbeza Ejaannya Dalam Bahasa Malaysia

Antara istilah yang berbeza ejaannya dalam Bahasa Malaysia dan selalu digunakan oleh beliau ialah:

Istilah	Catatan
'aqidah	Ejaan <i>Kamus Dewan</i> ialah 'akidah'
Tabi'i	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'tabii'
Syakhsiyah	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'syahsiah'
Qudrat	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'kudrat'
Khaliq	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'khalik'
Nifaq	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'nifak'
Aqliyah	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'akliah'
Maqam	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'makam'
Infraq	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'infak'
Haqiqi	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'hakiki'
Ri'ayah	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'riayah'
Rohaniyah	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'rohani'
'Alam al-wujud	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'alam'
Maudhu'	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'mauduk'
Muqaddimah	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'mukadimah'
Munafiqin	Ejaan dalam <i>Kamus Dewan</i> ialah 'munafikin'
Tawajjuh	Ejaan <i>Kamus Dewan</i> ialah 'tawajuh'

III. Istilah Yang Terdapat Dalam Bahasa Malaysia.

Antara istilah yang terdapat dalam Bahasa Malaysia yang selalu digunakan oleh beliau ialah:

Istilah	Catatan
Harakat	terdapat dalam <i>Kamus Dewan</i>
Maujud	terdapat dalam <i>Kamus Dewan</i>
Hidayah	terdapat dalam <i>Kamus Dewan</i>
Musyrikin	terdapat dalam <i>Kamus Dewan</i>
Ghaib	terdapat dalam <i>Kamus Dewan</i>
Hijab	terdapat dalam <i>Kamus Dewan</i>
takbur	terdapat dalam <i>Kamus Dewan</i>
Hayat	terdapat dalam <i>Kamus Dewan</i>

4.6.6 Membuat Penambahan

Salah satu ciri terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* yang dilakukan oleh Dato' Yusoff Zaky ialah beliau membuat penambahan sendiri terhadap teks asal. Ini adalah untuk memberi penerangan yang lebih kepada pembaca. Tambahan yang dilakukan oleh beliau kebiasaannya di buat pada nota kaki. Contohnya seperti yang terdapat pada halaman 227 jilid pertama, halaman 474, 597, 599 jilid kedua dan halaman 370 jilid ketiga (lihat lampiran G).

4.7 KEISTIMEWAAN

Terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* merupakan salah satu terjemahan kitab tafsir berbahasa Arab yang dilakukan oleh seorang ulama Malaysia. Bagi menghasilkan terjemahan ini, Dato' Yusoff Zaky telah memberikan komitmen dan tenaga yang sepenuhnya. Pengorbanan sebelas tahun menterjemah tafsir ini merupakan satu pengorbanan yang tiada nilainya. Lantaran itulah, dalam masa yang singkat sahaja selepas penerbitannya, tafsir ini pantas memenuhi segenap perpustakaan termasuklah Perpustakaan Institusi Pengajian Tinggi mahupun Perpustakaan Awam.

Daripada analisis yang dibuat, penulis mendapati bahawa terjemahan ini memiliki beberapa keistimewaan yang tersendiri. Antaranya:

i. Gaya bahasa yang mudah difahami.

Terjemahan ini dapat dibaca oleh semua peringkat termasuk golongan berpendidikan tinggi, menengah dan orang awam. Ini memandangkan penterjemah menggunakan gaya bahasa Malaysia yang mudah difahami.

ii. Perakuan daripada Panel Penyemak dan Pentashih.

Bagi menjamin kesahihan terjemahan ini, satu panel penyemak dan pentashih telah ditubuhkan. Panel tersebut dianggotai oleh:

1. Sahibus Samahah Dato' Haji Muhammad Syukri bin Muhammad,
Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan.
2. Sahibul Fadhillah Dato' Haji Daud bin Muhammad, Kadi Besar Negeri
Kelantan.
3. Ustaz al-Adib Muhammad Labib Ahmad, Penulis Islam terkenal dan
bekas Penolong Pengarang Majalah Dian.

Tidak syak lagi bahawa ilmu pengetahuan, keahlian dan pengalaman ahli-ahli Panel Penyemak dan Pentashih tersebut amat dihormati bagi menambahkan kesahihan terjemahan ini.

iii. Mempunyai beberapa tambahan dan pengubahsuaian.

Untuk kemudahan pengguna, Dato' Yusoff Zaky menggunakan inisiatif sendiri dengan membuat beberapa tambahan dan pengubahsuaian. Tambahan dan pengubahsuaian tersebut ialah :

a. Membentuk tajuk-tajuk pembicaraan.

Di antara tajuk-tajuk tersebut ialah Latar Belakang Ayat, Pokok Pembicaraan Ayat, Kumpulan Ayat-Ayat, Pentafsiran Ayat-Ayat dan Tajuk-tajuk sampingan (berada disebelah tepi).

b. Mengadakan fahrasat tajuk.

Adalah tidak lengkap sekiranya tidak ada fahrasat (isi kandungan) bagi setiap tajuk pembicaraan. Oleh hal yang demikian, bagi memudahkan pembaca mencari tajuk-tajuk pembicaraan, Dato' Yusoff Zaky membuat fahrasat tajuk-tajuk tersebut di setiap jilid. Kesemua tajuk, sama ada tajuk di sebelah atas atau tajuk di sebelah tepi dikumpulkan dan disusun mengikut nombor halaman.

c. Mengadakan fahrasat nama.

Untuk kemudahan pembaca, Dato' Yusoff Zaky juga membuat fahrasat nama di setiap jilid. Ini bermakna semua nama termasuklah nama individu dan nama tempat dikumpulkan dan dibuat satu fahrasat tersendiri. Ia kemudiannya disusun mengikut huruf abjad Latin. Hal ini memudahkan pembaca untuk mencari nama-nama tersebut di setiap jilid.

d. Mengadakan fahrasat hadith.

Di samping terdapat fahrasat tajuk-tajuk pembicaraan dan nama, Dato' Yusoff Zaky juga membuat satu fahrasat hadith. Semua hadith yang ada dalam terjemahan ini dikumpulkan dan disusun mengikut abjad huruf Arab. Hadith-hadith tersebut kemudiannya *ditakhrijkan*.

4.8 KRITIKAN

Terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* lahir ketika masyarakat Malaysia dahagakan pengisian tafsir Al-Quran dalam Bahasa Malaysia. Walaupun sebelum ini terdapat banyak terjemahan tafsir di pasaran, namun kebanyakan terjemahan tersebut dilakukan oleh penterjemah dari Indonesia. Sememangnya dimaklumi bahawa gaya Bahasa Indonesia amat berlainan dengan gaya bahasa Malaysia dan terdapat juga beberapa perkataan, ungkapan dan istilah yang sukar difahami. Lantaran itulah kelahiran terjemahan tafsir dalam Bahasa Malaysia memang dinanti-nantikan.

Walaupun begitu, terjemahan Tafsir ini tidak dapat lari dari beberapa kekurangan. Antara kesilapan yang dikesan oleh penulis ialah wujudnya kesilapan ketika menukilkan ayat Al-Quran sebagaimana teks asal. Penulis dapat mengesan dua kesilapan yang terdapat dalam mukadimah pengarang Tafsir.

Kesilapan pertama ialah kesilapan ketika menukilkan ayat Al-Quran. Dalam mukadimahny, Sayyid Qutb menyebut ayat ke-13 Surah al-Jāsyiah sebagaimana berikut²⁸:

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

Maksudnya:

Dan Ia memudahkan (untuk faedah kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi.

Manakala dalam terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān*, ayat lain yang dinukilkan. Ayat tersebut ialah ayat 29 Surah al-Baqarah sebagaimana berikut:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُم مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

Maksudnya:

Dialah yang telah menciptakan untuk kamu segala apa yang ada di bumi.

Kesilapan kedua ialah kesilapan ketika menukilkan ayat Al-Quran. Dalam mukadimahny juga, Sayyid Qutb menyebut ayat ke-52 Surah al-Mukminūn sebagaimana berikut²⁹:

وَأَنَّ هَذِهِ أُمَّةُ وَاحِدَةٌ وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاتَّقُونِ (٥٢)

Maksudnya:

Dan Sesungguhnya Agama Islam ini ialah agama kamu – agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka bertaqwalah kepadaKu.

²⁸ Untuk perbandingan, lihat *Tafsīr Fī Zilāl Al-Qur'ān* juzuk 1, h. 12 dan terjemahannya oleh Dato' Yusoff Zaky j. 1, h. 3

²⁹ Untuk perbandingan, lihat *Tafsīr Fī Zilāl Al-Qur'ān* juzuk 1, h. 12 dan terjemahannya oleh Dato' Yusoff Zaky j. 1, h. 4

Manakala dalam terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān*, ayat lain yang dinukilkan. Ayat tersebut ialah ayat 92 Surah al-Anbiya' sebagaimana berikut:

إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِي (٩٢)

Maksudnya:

Dan sesungguhnya umat (para anbi') ini adalah umat kamu iaitu umat yang satu dan Aku adalah Tuhan kamu Oleh itu sembahlah Aku.

Dari sudut penggunaan istilah, penulis mendapati terlalu banyak istilah Arab yang dimelayukan. Bagi istilah-istilah yang memang wujud dalam Bahasa Malaysia, penulis merasakan ianya tidak akan menimbulkan kesulitan kepada pembaca, tetapi bagi istilah-istilah yang tidak terdapat dalam Bahasa Malaysia, penulis merasakan ianya akan menimbulkan kesulitan kepada pembaca terutamanya bagi mereka yang tidak mempunyai asas pengajian agama. Di antara beberapa istilah tersebut ialah *masyi'ah*, *kulli*, *rububiyah*, *al-Mala'ul A'la*, *arjah* dan sebagainya.

Selain itu, penulis juga mendapati terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* dijual dengan harga yang terlampau tinggi. Ianya dijual dengan harga RM 3000 untuk satu set (17 jilid). Ini bermakna terjemahan tafsir ini yang dahulunya dijual dengan harga RM30 senaskhah telah meningkat kepada RM176 senaskhah. Oleh hal yang demikian, kemungkinan terjemahan ini tidak mampu dimiliki oleh kebanyakan anggota masyarakat di negara ini.

4.9 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* yang dilakukan oleh Dato' Yusoff Zaky adalah satu-satunya terjemahan kitab tafsir berbahasa Arab yang dapat disiapkan secara lengkap 30 juzuk. Kerja penterjemahan yang memakan masa sebelas tahun ini bukanlah satu kerja yang mudah, malah ia memerlukan ilmu pengetahuan, pengalaman, kesabaran dan pengorbanan yang tinggi. Pengorbanan dan kegigihan sedemikian sewajarnya dijadikan contoh dan teladan oleh generasi sekarang supaya lebih banyak kitab-kitab *turath* terutamanya dari Bahasa Arab dapat diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia.

Daripada analisis yang dibuat, penulis mendapati terjemahan ini bersesuaian untuk kegunaan masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat Nusantara amnya. Penulisan dan penyusunan tafsir amat menarik dan pelbagai tambahan yang dibuat dapat membantu pembaca menggunakannya. Ianya diterjemah dengan bahasa yang mudah dan senang difahami. Walau bagaimanapun, terjemahan ini tidak dapat lari daripada beberapa kekurangan. Ini termasuklah dari segi sesetengah gaya bahasa dan istilah yang kadang kala menyukarkan pembaca.